

MAHARDIKA WARGA, MAKMUR INSTITUSI

**TEKS AMANAT NAIB CANSELOR UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH**

**YANG BERBAHAGIA BRIG. JEN. PROF.
DATUK SERI PANGLIMA
DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON**

SEMPENA

MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR 2010

**DEWAN CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH**

21 JANUARI 2010

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Satu Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-dekan

Ketua-Ketua Jabatan dan dan Pegawai-Pegawai Kanan UMS

Warga Kakitangan UMS

Mahasiswa dan Mahasiswi

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat bertemu di Dewan Canselor pada pagi yang mulia ini.

2010 TAHUN MERANCANG DAN MELAKSANAKAN KEBAIKAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian
Warga UMS yang saya muliakan sekalian,

1. Tahun hijrah 1430 dan tahun Masihi 2009 baru beberapa hari berlalu dengan mencatatkan pelbagai cerita, peristiwa yang telah pun menjadi sejarah. Kejayaan UMS di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa harus dijadikan *turning point*, untuk kita memulakan 2010 dengan usaha dan kerja keras yang lebih berganda lagi.

2. Tidak ada kejayaan tanpa ketabahan, sabar dan semangat juang yang tinggi. Terdapat risiko dan kos bagi setiap tindakan kita.

Untuk berjaya seseorang itu perlu belajar menghadapi risiko kegagalan. Orang yang berani mencuba dan gagal, lebih bererti daripada orang yang gagal mencuba.

3. Pada tahun 2010 ini, hasrat dan impian kita di UMS adalah menambah baik urusan pentadbiran, mengurangkan birokrasi dan menanamkan semangat cintakan ilmu, melalui pembelajaran sepanjang hayat. Perkara tersebut sejajar dengan misi kita yang paling penting, iaitu menjadikan kedudukan Universiti Malaysia Sabah setanding dengan universiti lain di Malaysia, terutama dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Sungguhpun tahun sasaran kita adalah pada tahun 2013, kita harus bersedia daripada sekarang.

4. Kita telah memasuki 2010 dengan 10 perkara utama yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Menteri pengajian Tinggi yang wajar kita imbau untuk manfaat bersama. Sepuluh perkara itu ialah (1) Memperkasakan IPT, (2) Kualiti Tenaga Akademik, (3) Memartabatkan Akademik dan penubuhan Majlis Profesor Negara, (4) Peningkatan kegiatan penyelidikan dan pembangunan, (5) Program Pengantarabangsaan, (6) Pembangunan Kualiti Pelajar, (7) Kebolehpasaran graduan, (8) Pelan Transformasi Politeknik, (9) Transformasi Kolej Komuniti dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan (10) Program Transformasi IPTS. Dengan tema Kualiti, Inovasi dan Collegiality (Keserakanan) menunjukkan sektor Institut Pengajian Tinggi sentiasa relevan, berdaya saing dan mencapai kecemerlangan. Hanya dengan memperkasa pendidikan tinggi Negara, kita sebagai warga IPT akan turut menyumbang ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi (*high income economy*). Oleh hal yang demikian, dengan berpandukan 10 perkara sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri, kita di UMS turut terlibat secara langsung untuk memulakan pencapaian kita selaras dengan aspirasi dan kehendak negara secara amnya.

5. Seiring dengan cita-cita tersebut, berasaskan tema 'Mahardika Warga, Makmur Institusi, saya menggariskan Agenda lima (5)M sebagai asas kepada tunggak kegemilangan UMS yang dihasratkan pada tahun 2010.

Agenda 5M terdiri daripada:

1. Memperhebatkan agenda penyelidikan dan Inovasi
2. Mengembalikan Keyakinan terhadap pentadbiran.
3. Menceriakan kampus.
4. Membaca sebagai satu amalan budaya.
5. Memartabatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan bukan akademik.

6. Saya yakin dan percaya dengan gabungan kepakaran pimpinan akademik, komitmen semua pegawai tadbir dan kesungguhan seluruh kakitangan sokongan serta dukungan para pelajar sekalian, kita di UMS mampu mencapai Agenda 5 M tersebut.

2010 MEMPERHEBATKAN AGENDA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Tuan-tuan dan Puan-puan.

7. Setakat ini terdapat empat buah universiti yang telah diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan, iaitu USM, UPM, UKM dan UM. Menjelang 2020, Kementerian Pengajian Tinggi menyasarkan enam (6) lagi institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan dan sasaran ini adalah selari dengan cita-cita UMS.

8. Bagi mencapai hasrat tersebut, banyak perkara perlu kita lakukan. Langkah pertama dalam tahun ini, kita harus membentuk hala tuju yang lebih meyakinkan dalam mencapai objektif tersebut.

Objektif yang dimaksudkan adalah:

1. Meningkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R & D & C)
2. Meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah & pasca doktoral
3. Meningkatkan bilangan pensyarah yang mempunyai PhD
4. Meningkatkan bilangan pelajar asing
5. Mengukuhkan pusat-pusat kecemerlangan
6. Meningkatkan kedudukan atau rangking UMS

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kesungguhan kita dalam mengorak langkah menjadi sebuah Universiti Penyelidikan telah mendorong UMS untuk membuat penilaian sendiri (self-assessment) terhadap lapan kriteria utama, iaitu kita harus meningkatkan:

1. Kuantiti dan kualiti penyelidik dan penyelidikan
2. Kuantiti dan kualiti pelajar pascasiswazah
3. Inovasi, perkhidmatan profesional dan pengiktirafan
4. rangkaian dan perhubungan; dan Kemudahan sokongan

10. Keseluruhan sistem penilaian tersebut dinamakan sebagai *Malaysian Research Assessment Instrument* (MyRA) dan objektif utamanya adalah untuk mencapai :

1. Key Performance Indicators (KPI) Naib Canselor/Ketua Eksekutif IPT bagi aspek Penyelidikan; dan
2. Permohonan untuk diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan di mana IPT yang mencapai 75% ke atas, iaitu seksyen tertentu mencapai markah 50 ke atas berdasarkan penilaian sendiri (*self-assessment*), bolehlah mengemukakan permohonan untuk diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan.

11. Setiap kriteria tersebut membawa markah penuh yang berbeza dan dengan membuat penilaian sendiri ini, kita dapat melihat di mana kelemahan dan kelebihan kita dan seterusnya berusaha mencari jalan untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan mempertingkatkan usaha.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Di bawah seksyen kuantiti dan kualiti penyelidik, pada tahun 2008 dan 2009 kita hanya mampu mencapai markah 8.8% daripada 25% markah penuh. Jumlah markah yang kita perolehi itu diklasifikasikan sebagai tidak memuaskan. Demikian juga dengan kuantiti dan kualiti penyelidikan yang masih ditahap tidak memuaskan.

13. Kuantiti dan kualiti penyelidik, dinilai melalui bilangan staf akademik (tetap/kontrak) yang terlibat sebagai Penyelidik Utama bagi projek-projek penyelidikan yang aktif, jumlah staf akademik yang berkelulusan tertinggi Ijazah Kedoktoran dan yang setaraf dengannya, pengalaman penyelidikan penyelidik dan jumlah anugerah serta pengiktirafan yang diberikan oleh badan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada kakitangan akademik.

14. Bagi maksud tersebut, berdasarkan jumlah keseluruhan kakitangan UMS, kita belum mencapai tahap yang memuaskan dari segi jumlah penyelidik, kakitangan yang berkelulusan Ijazah Kedoktoran dan yang setaraf dengannya. Jumlah anugerah dan pengiktirafan yang diberikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga masih sangat sedikit jika dibandingkan dengan universiti lain di Malaysia.

15. Memandangkan pentingnya penyelidik dalam sesebuah universiti, kita harus tanamkan sifat suka dan cintakan penyelidikan. Pelbagai usaha akan diambil untuk membantu dan menanamkan minat penyelidik. Pihak universiti akan memberi bantuan kewangan dan peluang menghadiri persidangan dan pameran untuk membantu penyelidik meluaskan jaringan kerjasama dengan pensyarah dari universiti luar, memperkenalkan penyelidikan mereka di mata dunia, memperkembangkan penyelidikan dengan perkongsian fikiran dan peminjaman teknologi luar, menganjurkan bengkel berkaitan penyelidikan seperti mengadakan bengkel penulisan proposal untuk permohonan geran, menawarkan insentif seperti *Seed Money Scheme* kepada penyelidik muda untuk memupuk budaya penyelidikan.

16. Seiring dengan peningkatan kuantiti penyelidik berkualiti, kuantiti dan kualiti penyelidikan juga diharap akan dapat bertambah. Kuantiti dan kualiti penyelidikan merangkumi aspek penerbitan, bilangan geran penyelidikan sains dan teknologi yang diterima oleh kakitangan akademik, perbelanjaan penyelidikan untuk setiap projek dan pelantikan pasca kedoktoran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Sebagai penyelidik, penulisan dan penerbitan dalam jurnal dan buku ilmiah adalah satu keutamaan. Penulisan dan penerbitan jurnal merupakan satu kriteria penting dalam mencapai sebuah universiti bertaraf dunia.

18. Setakat ini, hasil pengumpulan maklumat untuk penerbitan menunjukkan hasil penerbitan dalam jurnal, buku, bab dalam buku dan lain-lain penerbitan adalah sangat tidak memuaskan berbanding dengan jumlah pensyarah atau penyelidik yang berkhidmat di UMS. Saya mengharapkan pihak penerbit UMS mengambil langkah-langkah proaktif dalam menggalakkan warga UMS untuk menerbitkan buku, dengan penerbit universiti. Oleh itu, fikirkanlah inisiatif-inisiatif khusus umpamanya menaikkan kadar bayaran royalti pada penulis dengan kadar yang lebih kompetitif.

19. Jika dilihat dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi, adalah disarankan setiap pensyarah seharusnya menghasilkan minimum dua (2) jurnal berimpak tinggi bagi setiap tahun, khususnya bagi profesor dan profesor madya.

20. Menyedari situasi ini, pihak universiti telah membentuk jawatankuasa pemberian insentif kepada pensyarah untuk hasil penerbitan mereka. Ia diharap mampu menjadi motivasi kepada para pensyarah untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan pada masa akan datang.

21. Sebagai peringkat permulaan, jawatankuasa tersebut telah memutuskan untuk memberikan insentif kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan karya dalam jurnal berimpak tinggi. Pada masa akan datang, pemberian insentif tersebut akan diperluaskan kepada penerbitan-penerbitan lain seperti bab dalam buku, jurnal terindeks, jurnal bukan terindeks, buku dan penerbitan lain.

22. Sebagai IPTA yang ke 9, saya juga menggesa supaya kita seboleh-bolehnya mengurangkan amalan berkongsi kertas kerja pembentangan, jangan pula ada 9 orang berkongsi satu kertas penulisan. Amalan ini sangat buruk lebih-lebih lagi jika hanya satu orang yang menyelesaikan tanggungjawab tersebut. Ia pula menjadi sangat busuk apabila yang menulis artikel tersebut adalah pelajar, dan ia digotong-royongkan oleh rakan-rakan kakitangan akademik yang menjadi penyelia kepada pelajar tersebut. Demikian juga dengan tindakan dekan atau ketua jabatan menempel pada artikel yang ditulis oleh kakitangan. Hentikanlah budaya 'menempel' dan 'bertenggek', sedangkan pada tahap ijazah pertama, kedua dan PHD, kita mampu secara sendirian menyelesaikan tanggungjawab ilmiah terbabit tanpa perlu bergantung dengan orang lain. Secara peribadi saya akan memantau isu ini, dari masa ke semasa dan tanggungjawab ini akan ditangani secara langsung serta menjadi agenda KPI, TNC akademik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Sungguhpun ekonomi global kadangkala memberi kesan kepada proses penyelidikan yang ingin kita laksanakan, kerajaan masih memberi perhatian kepada universiti untuk meneruskan projek-projek penyelidikan.

24. Oleh hal yang demikian, peruntukan geran seperti geran *Fundamental*, geran *Sciencefund* dan lain-lain yang disalurkan kepada IPTA melalui agensi kerajaan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pertanian dan lain-lain masih diteruskan. Permohonan penyidik UMS sepanjang tahun 2009 telah berjaya mendapat 76 geran baru dengan amaunnya berjumlah RM5,409,985.16. Pada tahun ini sahaja, maksima RM100,000 diperuntukkan untuk satu-satu penyelidikan akan diberikan di bawah geran fundamental.

25. Sungguhpun pihak kerajaan sentiasa prihatin, namun sebagai kumpulan profesional, penyidik tidak seharusnya hanya menunggu peluang melalui peruntukan yang ditawarkan oleh universiti dan kerajaan semata-mata. Penyidik seharusnya bersikap lebih prihatin untuk mengintai dan merebut peluang mendapatkan dana atau geran penyelidikan yang disediakan pelbagai institusi atau industri swasta di dalam dan luar negara. Saya juga ingin menggesa para profesor dan prof madya agar memperoleh geran penyelidikan dari institusi luar tanpa perlu bersaing dengan penyidik muda untuk merebut geran-geran yang disediakan oleh UMS, seperti mana FRGS. Saya meletakkan indikator, sasaran dalam tahun 2010, sekurang-kurangnya perolehan dana sebanyak RM500,000 bagi setiap orang daripada anda, Profesor dan Profesor Madya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

26. Inovasi adalah penting dalam penyelidikan dan ia sepatutnya berkembang seiring dengan penyelidikan. Sungguhpun aktiviti inovasi di UMS masih dalam peringkat permulaan, pada tahun lalu sahaja, pelbagai inisiatif telah diambil bagi membantu mengintegrasikan aktiviti R & D dengan aktiviti inovasi agar penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan dapat dilaksanakan. Inovasi melibatkan bilangan produk yang telah dipatenkan, dikomersilkan, mempunyai "*Technology know-how licensing*" dan IPR/copyright.

27. Memandangkan jumlah produk penyelidikan yang melalui proses inovasi di UMS masih sangat kurang, pihak universiti mengambil inisiatif merancang pelbagai aktiviti bagi membantu memberikan pendedahan kepada para penyelidik tentang inovasi yang berguna kepada hasil penyelidikan mereka dan bagi tahun 2010. Antaranya menganjurkan bengkel berkaitan seperti bengkel polisi harta intelek dan mengharapkan lebih banyak penyelidik tampil memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti inovasi ini.

28. Bagi melaksanakan hasrat untuk menambahbaikkan kualiti dan pencapaian penyelidik dan penyelidikan, pengurusan peralatan dan kemudahan penyelidikan yang cekap, berkesan dan berkualiti merupakan faktor asas yang amat penting untuk menyokong hasrat UMS menjadi universiti penyelidikan pada tahun 2013.

29. Oleh itu peranan Unit Instrumentasi, PPI membangunkan pengurusan peralatan dan kemudahan penyelidikan gunasama di UMS bagi mengujudkan pengurusan yang lebih cekap, berkesan serta mencapai kualiti seperti yang diharapkan. Kini pihak Unit Instrumentasi sedang dalam proses untuk membangunkan beberapa dasar sebagai panduan kepada pelaksanaan pengurusan instrumen gunasama UMS yang dirancang agar dapat dilaksanakan pada tahun ini.

30. Pelaksanaan pengurusan berpusat instrumen gunasama ini akan dimulakan dengan mengenalpasti salah satu daripada instrumen yang sedia ada di JPSIU sebagai '*pioneer*' kepada pelaksanaan pengurusan instrumen gunasama UMS. Melalui konsep pengurusan instrumen gunasama ini, tanggungjawab terhadap penyeliaan dan pemantauan pengurusan instrumen secara keseluruhannya akan dilakukan oleh Unit Instrumentasi. Di samping itu, kos perbelanjaan bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan serta kos pengurusan akan diselaraskan oleh Unit Instrumentasi menggunakan peruntukan Pusat.

31. Apabila pengurusan instrumen gunasama ini dapat dilaksanakan sepenuhnya, ia diharap dapat menangani pelbagai isu seperti perkongsian penggunaan peralatan, penyelenggaraan, pembaikan kerosakan serta keperluan dan kepakaran kakitangan yang mengendalikan instrumen.

32. Selain daripada pengurusan instrumen gunasama, Unit Instrumentasi juga memainkan peranan penting untuk memastikan UMS mempunyai peralatan dan kelengkapan penyelidikan, selaras dengan keperluan bidang-bidang penyelidikan di UMS. Seperti yang Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, perolehan pelbagai aset utama (bernilai RM100,000.00 seunit ke atas dan termasuk *high-end instruments*) kini diselaraskan oleh Unit Instrumentasi sebelum ianya dimajukan kepada pihak Jabatan Bendahari.

33. Penyelarasan perolehan ini bukan sahaja bertujuan sebagai langkah penjimatan, tetapi ia juga amat penting bagi memastikan penyelidik-penyelidik UMS mendapat kemudahan penyelidikan seperti yang dikehendaki. Antara aspek utama yang akan diambilkira semasa penyelaras perolehan tersebut ialah memberi keutamaan kelulusan kepada instrumen yang bersifat gunasama serta memastikan spesifikasi instrumen yang dibeli memenuhi keperluan bidang-bidang penyelidikan yang akan menggunakan instrumen tersebut.

34. Rangkaian dan pautan adalah berkenaan dengan penglibatan penyelidik dan pelajar UMS dalam pelbagai aktiviti berkaitan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti keahlian dalam badan/persatuan antarabangsa, penglibatan.

35. Melalui MyRA, penilaian terhadap rangkaian dan pautan UMS adalah 3.3% daripada 8% markah penuh. Sekiranya dibuat perbandingan tahun 2008 (3.0) dan 2009 (3.5), terdapat peningkatan yang telah dicapai. Ini bermaksud kita mampu meluaskan lagi pengaruh penyelidik UMS di mata dunia, bagi menjamin kita mencapai matlamat sebagai UP.

36. Usaha-usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti pelajar pasca siswazah tempatan dan antarabangsa di UMS juga senantiasa dipergiatkan untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berkelulusan ijazah PhD untuk menyokong keperluan negara dalam pembangunan bidang-bidang kritikal memandangkan bilangan ijazah PhD yang sedia ada masih belum mencukupi.

37. Kualiti pasca siswazah pula dinilai melalui pencapaian akademik dan penyelidikan mereka, seperti pengambilan bilangan pasca siswazah yang mempunyai CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya dan anugerah *fellowships/geran* yang diterima dari badan-badan berprestij melalui penyelidikan yang dilaksanakan. Setakat ini pelajar pasca siswazah UMS mampu mencapai separuh, iaitu 2.5% daripada 5% markah penuh. Ini menunjukkan usaha kita memartabatkan kualiti pelajar pasca siswazah tempatan dan antarabangsa, berlangsung dengan jaya. Usaha ini dapat ditingkatkan untuk menjana lebih ramai modal insan yang mempunyai sahsiah dan kemahiran komunikasi yang baik, bermoral, mempunyai ilmu yang relevan kepada pembangunan industri dan mampu mendokong agenda pembangunan negara.

38. Seajar dengan hal tersebut, kakitangan akademik UMS perlu bersikap lebih agresif dan sentiasa memajukan diri dengan bersikap mengutamakan semangat kerja berpasukan. Kita tidak sepatutnya jangan cepat berpuas hati dengan apa yang telah dicapai, tetapi harus sentiasa menambahkan lagi mutu dan produktiviti kerja.

2010 AGENDA MENGEMBALIKAN KEYAKINAN

Tuan-tuan dan Puan-puan,

39. Tahun 2010 mencatatkan usia UMS ke-16 tahun. Pada usia ini, kita seolah-olah sudah masuk akil baligh. Sehubungan dengan hasrat kita memperhebatkan agenda penyelidikan dan inovasi, memperkasa tadbir urus dan pembangunan sumber manusia adalah isu yang perlu diberi keutamaan. Tanpa sumber manusia dan tadbir urus yang baik, kita diibaratkan sebuah kapal yang terumbang-ambing di tengah lautan, dan menunggu masa untuk karam. UMS adalah milik semua warganya dan kitalah nakhodanya. Jika salah seorang daripada kita warga UMS membuat onar, impaknya ibarat susu sebelanga, rosak dek setitik nila.

40. Tadbir urus baik merupakan suatu proses yang bermula dengan perancangan yang teliti, seterusnya pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan organisasi yang cekap, adil, telus, beramanah, dan berintegriti.

41. Ia turut merangkumi aspek-aspek seperti tatacara, sistem dan proses semua peringkat kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara telus, berkesan dan cekap serta responsif dalam memenuhi kehendak pelbagai pihak bagi mencapai misi dan visi Universiti.

42. Tadbir urus yang baik bukan sahaja menjadi faktor penting dalam memenuhi kehendak kakitangan tetapi juga mampu memenuhi hasrat rakyat keseluruhannya. Oleh itu, adalah penting untuk semua kakitangan diberi pendedahan serta dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan terkini yang dapat memenuhi keperluan di peringkat global.

43. Pada tahun 2009 tahap tadbir urus (*good governance*) kita sudah mula menunjukkan peningkatan ketara bagi mencapai visi dan misi UMS. Bagi meningkatkan lagi pencapaian tadbir urus 2010, warga kakitangan UMS dituntut untuk mematuhi 4P, iaitu:

1. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan dan Universiti.
2. Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien
3. Pelaksanaan tugas secara beretika, telus, berakauntabiliti dan berintegriti
4. Pengurusan yang bijak dan berani yang memerlukan kita sentiasa berfikiran positif, dinamik dengan keperluan terkini berhubung perubahan di persekitaran kita.

44. Namun demikian, pelaksanaan tadbir urus terbaik perlu memberi penekanan kepada pembentukan peribadi yang meliputi pengamalan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif agar tindakan yang diambil sentiasa konsisten dan memenuhi kehendak pelanggan.

Setinggi mana pun ilmu dan kemahiran yang kita ada, ia tidak akan bermakna jika sikap kita tidak diperbetulkan.

45. Sebagai sebuah institusi ilmu, warga kerja UMS wajib menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujur, tidak curi tulang, melepak, mengamalkan rasuah, menjiplak kerja orang lain, berpolitik, salah guna kuasa dan tidak menjalankan perniagaan dan urusan peribadi dalam waktu bekerja.

46. Saya menyeru pada diri saya dan anda semua untuk mematuhi 4P yang telah digariskan. Jika kita tidak mampu untuk bekerja dengan peraturan yang telah ditetapkan, bermakna kita tidak boleh menjadi pemimpin, waima sebagai pemimpin keluarga sekalipun! Dengan kata lain, jika anda mahu dihormati, anda harus belajar menghormati orang lain. Untuk menjadi pemimpin kita harus belajar bagaimana untuk dipimpin.

47. Warga UMS yang saya muliakan, sejak tahun 1994 kita bertatih memulakan perjalanan akademik UMS yang penuh dengan halangan, dugaan dan pancaroba. Sebagai Naib Canselor yang ketiga, saya mewarisi legasi pimpinan Tan Sri Dr. Abu Hassan Othman yang telah banyak menunjuk ajar, membimbing serta meletakkan UMS pada kedudukan yang amat terpuji.

48. Langkah pertama ketika saya memulakan amanah sebagai Naib Canselor UMS adalah untuk memulihkan semula kepercayaan seluruh warga UMS terhadap struktur dan orientasi pentadbiran yang telah sedikit pincang, gara-gara tindakan sesetengah pihak yang mengamalkan pendekatan popular, mewujudkan ketegangan, prejudis, mengurangkan kepercayaan seluruh warga UMS terhadap pimpinan universiti.

49. Percayalah, bahawa saya amat bersungguh-sungguh dalam mengembalikan semula keyakinan anda seluruh warga UMS, terhadap sistem dan orientasi pentadbiran universiti supaya berada pada landasan yang benar. UMS mempunyai mekanisme dan sistem yang baik dan tidak ada sebab, mengapa kita perlu menaruh prasangka terhadap universiti ini. Bagi saya secara peribadi, semua warga UMS adalah orang naib canselor dan secara profesional semua orang berhak mendapatkan segala haknya berdasarkan merit yang telah termaktub dalam perlembagaan universiti.

50. Yakinlah, dalam dewan yang mulia ini saya berjanji pada anda seluruh warga UMS bahawa tidak akan ada lagi individu yang mendapat keistimewaan melangkaui peraturan sedia ada, seperti; peluang cuti belajar tanpa mengikut prosedur, menjadi kakitangan UMS mengikut kehendak politik, kenaikan pangkat secara melulu, melampaui batas tanpa mengikut lunas-lunas peraturan yang ada.

51. Bagi mereka yang telah memperoleh pangkat dengan cara tersebut, tolong sahut cabar saya, buktikan sumbangan anda bagi mengembalikan kepercayaan rakan-rakan anda bahawa anda benar-benar layak dan berhak. Sila pertaruhkan segala kekuatan, kemahiran dan kecekapan anda. Insyaa' Allah, pada tahun 2010 dan tahun-tahun mendatang, tidak akan ada lagi unsur kronisme dan tekanan politik yang dapat memecahbelahkan perpaduan kita seluruh warga UMS.

52. Marilah kita berdoa agar seluruh warga UMS akan kembali bersatu padu, berganding tangan menggapai tekad mengangkat kecemerlangan universiti yang kita cintai pada tahun 2010 ini. Pada 2009 kita telah menggunakan kaedah penilaian secara *online*.

Kaedah penilaian secara *online* ini bukan semata-mata bertujuan untuk kenaikan pangkat. Sistem *online* juga berfungsi untuk mengemas kini maklumat kakitangan akademik. Bagi tujuan kenaikan pangkat, sistem *online* dianggap satu cara yang lebih objektif, telus dan cepat. Saya telah mengarahkan pihak pendaftar untuk menambah baik sistem tersebut dan pada tahun 2010 segala kekurangan dan kelemahan yang telah dikenal pasti tidak akan berlaku lagi.

53. Untuk pengetahuan semua warga UMS, sejak tahun 2009, beberapa transformasi telah dilaksanakan melalui Jabatan Pendaftar bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di UMS, iaitu:

- (1) Pembangunan profil data peribadi dan perkhidmatan kakitangan melalui program HRMIS (*Human Resource Management Information System*)
- (2) Borang penilaian prestasi tahunan bagi kakitangan akademik secara *online*
- (3) Pengurusan rekod cuti kakitangan secara *online* atau e-cuti
- (4) Iklan perjawatan secara *online* melalui program *e-jobs* yang telah berjaya menjimatkan masa dan kos, termasuk kos pemohon untuk mendapatkan dan menghantar borang secara manual
- (5) Penggunaan sistem CV *online* untuk tujuan naik pangkat
- (6) Pengurusan dan pelaksanaan temu duga perjawatan dan kenaikan pangkat yang lebih telus dan cepat.

54. Seiring dengan pelaksanaan tersebut, saya berharap amalan birokrasi dapat dikurangkan agar kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan lebih lancar, dan kurang sungutan dari peringkat kakitangan akademik hingga ke peringkat kakitangan sokongan.

55. Pembelajaran profesional Berterusan [myCPD] juga sudah dilancarkan. Program MyCPD adalah kaedah merekodkan dan mendokumenkan segala aktiviti latihan, kursus, seminar bagi semua kakitangan secara berterusan. Semua kakitangan UMS boleh memantau rekod perkembangan peribadi untuk mengesahkan sendiri markah CPD masing-masing.

56. Untuk rekod, program ini bertepatan dengan agenda Kementerian pengajian Tinggi untuk memberikan keterbukaan pada setiap kakitangan IPTA melebarkan akses dan peluang meningkatkan potensi diri yang akhirnya memberikan impak positif pada kebaikan universiti itu sendiri. Dengan cara ini setiap aktiviti yang dihadiri oleh setiap kakitangan UMS akan dipantau dan diberikan merit menurut skala-skala tertentu yang telah ditetapkan.

2010 MEMBACA SEBAGAI SATU BUDAYA UMS

57. Sidang warga UMS yang dimulakan, jika kita tidak menghayati dan mengamalkan budaya membaca, kita bukan sahaja akan ketinggalan zaman malah menjadikan kita bangsa yang semakin mundur dan diperbodoh-bodohkan. Ingatlah hanya dengan mengamalkan budaya membaca, kita akan menjadi individu yang berilmu, berfikiran positif, kreatif dan mampu pula mencipta idea inovatif. Kita semua adalah institusi pemimpin ilmu.

Justeru itu, amat tepat sekali dengan ungkapan peribahasa berikut, ***readers are leaders; leaders are readers.***

58. Semua warga UMS tidak kira pangkat dan kedudukan, dari Pembantu Am Rendah, Pemandu, Anggota Keselamatan, Pegawai PALAPES, SUKSIS harus mengamalkan budaya membaca. Bahan bacaan haruslah diisi dalam kereta rasmi UMS dan setiap ruang pejabat mestilah dihiasi dengan ruang bacaan terutama bahan-bahan terbitan UMS.

59. Sehubungan itu saya menggesa perpustakaan UMS menjadikan 2010 sebagai tahun membaca. Satu bulan, satu buku. Mulai Februari, sehingga Disember 2010 perpustakaan UMS harus proaktif mengadakan program, pertandingan dan kempen untuk menarik warga UMS dan orang awam sekitarnya untuk berkampung di perpustakaan. Pada hemat saya, penerbit universiti yang menerbitkan buku-buku dan jurnal UMS harus bekerjasama dengan pihak perpustakaan untuk mengadakan sesi resensi buku yang dibincangkan sendiri oleh kakitangan UMS.

60. Bagi tujuan tersebut, mulai tahun 2010 semua buku dan jurnal terbitan UMS hendaklah dijadikan bahan utama sebagai cenderamata atau hadiah untuk semua acara yang melibatkan UMS termasuk anjuran persatuan pelajar. Tidak kira siapa tetamu kehormatannya termasuk menteri sekali pun, cenderamata adalah bahan bacaan dari penerbit UMS.

61. Saya sendiri akan memantau perkembangan budaya membaca yang akan dijadikan KPI, penerbit dan perpustakaan UMS. Sekiranya budaya membaca sudah sehati dengan jiwa kita sebagai warga universiti, lebih lancar aliran idea kreatif yang dapat mewujudkan lebih banyak penyelidikan dan inovasi.

2010 MENCERIAKAN KAMPUS

62. Warga UMS yang saya muliakan, sambil kita memperkasa agenda ilmu di UMS tidaklah wajar kita mengabaikan tanggungjawab melestarikan kehijauan, landskap kampus UMS yang sangat indah ini. UMS sudah diakui dunia dengan landskap semula jadi anugerah Tuhan. Keindahan landskap UMS tidak bermakna sekiranya kampus kita umpama roh tanpa jasad, tidak ceria. Sehubungan itu, izinkan saya mengimbas warna-warna logo UMS yang ternyata bersesuaian dengan konsep UMS kampus ceria dan sihat.

63. Warna kuning dalam logo UMS melambangkan suasana warga kampus UMS yang sentiasa ceria, segar, aktif dan dinamik umpama alam sekitar yang sentiasa disimbah sinaran suria. Begitulah hebatnya lambang pengorbanan seluruh warga UMS, ibarat suria yang menyinar membentuk tenaga murni.

64. Warna merah lambang keutuhan, kegigihan dan kekentalan semangat perjuangan yang ada pada setiap sanubari warga UMS dalam menghadapi segala cabaran demi mencapai kejayaan dan kecemerlangan ilmu.

65. Warna biru melambangkan suasana kehidupan yang harmoni, mencerminkan ikatan persaudaraan dalam kalangan warga kampus UMS dengan persekitarannya yang menenangkan jiwa. Hembusan samudera biru menjadikan wajah mu seluruh warga UMS penuh berseri dan ceria.

66. Sehubungan dengan itu, kampus ceria haruslah dijadikan sebagai amalan kehidupan warga UMS dengan mengutamakan pendekatan 3 S, iaitu senyum, salam dan sapa. Jika anda senyum ketika bercakap dalam telefon, percayalah pemanggil akan tahu anda sedang tersenyum melalui nada suara anda. Sejak kebelakangan ini, kehidupan ceria kampus UMS semakin pudar tiada lagi manis muka, tegur sapa mesra, pelajar dengan kakitangan universiti, pekerja baru dengan rakan sekerja senior. Janganlah kita berlagak sombong dan mendabik dada, kerana segala pangkat, kedudukan dan kemewahan kita hanyalah pinjaman sementara yang tidak akan kekal selama-lamanya. Segala yang bersifat baharu akan hancur lebur kecuali Yang Maha Esa sahaja yang kekal dan abadi.

67. Saya berharap dengan kempen ceria 3 S, yang akan dipantau terus oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dengan menjadi penanda aras KPI dan seterusnya diamalkan oleh semua kakitangan pihak pentadbiran HEP.

68. Setiap pelajar adalah pelanggan kita. Justeru itu, kakitangan HEP harus bersedia bekerja 24 jam sehari untuk kepuasan pelanggan dengan mengutamakan kepentingan-kepentingan pelajar.

Kita tidak mahu lagi mendengar kakitangan HEP, mengatakan tidak tahu, tidak pasti atau tidak perasan terhadap apa sahaja perkembangan pelajar UMS, sama ada berlaku di dalam atau di luar kampus. Barang siapa yang tidak sanggup bekerja 24 jam untuk mengambil tahu sikap dan perbuatan pelajar UMS, boleh mengemukakan permohonan untuk berpindah ke bahagian lain, tiada halangan bagi kami di pihak pentadbiran.

69. Ingin saya tegaskan, tidak terkecuali juga, anggota keselamatan yang bertugas di pintu keluar-masuk UMS adalah orang pertama mencerminkan UMS sebagai kampus ceria. Dalam kesempatan ini, saya dengan sukacitanya, mengumumkan secara rasmi pembukaan kesemua pintu masuk utama UMS berkuat kuasa serta-merta. Bagi melicinkan pergerakan, satu lorong masuk akan dikhaskan untuk warga UMS manakala lorong kedua untuk para pelawat. Dengan ini diharapkan tiada lagi aduan tentang masa yang dibazirkan menanggung kesesakan di pintu masuk dan pintu keluar UMS. Sebagai institusi ilmu, pendekatan keselamatan kita nyata berbeza dengan sebuah kem tentera yang kurang mengalu-alukan kehadiran orang awam. Institusi ilmu sangat memerlukan sokongan dan dukungan orang awam, tanpa mereka siapalah kita. Pihak UMS menerusi, Jabatan Pendaftar sentiasa memberi perhatian khusus pada anggota keselamatan dan sehingga 2009 pengambilan anggota baru telah berjaya dilaksanakan.

70. Seajar dengan dasar kerajaan menggandakan teknologi hijau (*green technology*), saya berharap semua warga UMS akan turut melibatkan diri secara aktif. Sehubungan itu, kita akan mewujudkan Taman Botani Kampus.

Bermula dengan tahun 2010, kita juga akan lebih serius menggerakkan seluruh jentera UMS untuk menjadikan kampus UMS, tidak ada sampah dan tidak ada plastik. Di samping itu, kita telah membuat dasar tidak lagi membenarkan pihak penyedia bekalan makanan termasuklah kantin di kolej kediaman pelajar menggunakan bekas plastik atau *polystyrene*. Kesan dan implikasi penggunaan plastik dan *polystyrene* sangat buruk kepada alam sekitar.

2010 MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN PELAJAR

71. Sidang warga UMS yang dimulakan, Tahun 2009 mencatatkan beberapa kejayaan bermakna para pelajar kita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Paling membanggakan adalah bagi pasukan SIFE [*Students In Free Enterprise*], yang telah berjaya menjadi johan, mewakili Malaysia dalam pertandingan SIFE World Cup 2009 di Berlin, Jerman. Paling menarik pelbagai kaum dalam SIFE UMS, yang berjaya merealisasikan gagasan 1 Malaysia. Inilah harapan saya pada tahun 2010 yakni segala kegiatan pelajar UMS yang dirancang diharapkan mencontohi pasukan SIFE yang menampilkan semua kaum dan negeri. Begitu juga dengan aktiviti sukan sebagai wadah merapatkan integrasi kaum harus memastikan setiap acara sukan tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum tertentu.

72. Untuk rekod, gagasan 1 Malaysia sudah lama kita amalkan di UMS ini sejak saya memegang jawatan Dekan HEP 14 tahun yang lalu. Para pelajar yang berlainan agama dan bangsa di kampus Teluk Likas dan Kampus Jalan Tuaran diwajibkan berkongsi bilik.

Peringkat awal wujud kritikan dan rasa prejudis beberapa pihak tetapi kami telah berjaya menyelesaikan isu tersebut dengan kaedah dialog dan perbincangan.

73. Saya juga ingin berkongsi kekecewaan dengan sikap segelintir pelajar kita yang terlalu taksab, diperalatkan, terbawa-bawa dengan fahaman politik kepartian sehingga menghilangkan idealisme luhur mahasiswa. Konflik tidak boleh diselesaikan dengan ugutan dan cacian menerusi surat layang. Marilah kita berbincang dan berdialog untuk mencari kebenaran dalam menyelesaikan konflik. Selaku Naib Canselor yang berpengalaman menjaga portfolio hal ehwal pelajar, pintu pejabat saya sentiasa terbuka untuk sebarang dialog dan perbincangan dengan mana-mana pimpinan pelajar.

74. Dalam memperkasa aktiviti pelajar saya akan memastikan pihak HEP mengaktifkan seluruh *speech corner* yang wujud dalam kampus UMS. Bagi *speech corner* yang menjadi tumpuan ramai seperti yang di Anjung Siswa hendaklah diaktifkan secepat mungkin dan ia perlu dikendalikan secara berhemah dan sistematik.

75. Kita juga akan memastikan, penglibatan UMS dalam acara sukan tidak lagi dilakukan secara acuh tak acuh dan bukan sekadar untuk melancong atau makan angin. Pemilihan pemain untuk sukan Liga bola sepak IPTA, hendaklah dilakukan secara meritokrasi dan bersungguh-sungguh.

Sasaran kita adalah untuk mendapat tempat pertama. Nanti dengan wujudnya kompleks futsal UMS, kita akan lebih bersedia untuk menampilkan barisan pasukan terkuat di rantau kepulauan Borneo.

76. Sebagai IPTA yang menjadi pusat kecemerlangan Tekwando kebangsaan, UMS perlu lebih agresif melahirkan barisan pelapis bakat-bakat baru yang boleh digilap dan diketengahkan. Kita tidak boleh terlalu bergantung dengan atlet yang sedia ada tanpa merangka pelbagai strategi yang efektif. Adalah diharapkan pada tahun ini, kita akan terus mengungguli acara tekwando.

77. Antara agenda kita dalam tahun ini juga adalah untuk memastikan setiap pelajar UMS dipupuk dengan budaya keusahawanan. Oleh itu, sebarang program pelajar yang dirancang haruslah disuntik dengan elemen keusahawanan supaya menggalakkan pelajar berdikari, untuk menyusun dan menyerapkan pembelajaran mereka di kampus. Umpamanya para pelajar diberikan diskaun tertentu untuk membeli bahan terbitan UMS untuk diedarkan dan dijual semula dengan harga yang munasabah. Hasilnya, kita akan mewujudkan situasi menang-menang.

PENUTUP : HARAPAN DAN IMPIAN 2010

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

78. Pada kesempatan ini, saya menaruh kepercayaan sekiranya kita warga UMS benar-benar menghayati perjuangan UMS untuk mencapai status universiti penyelidikan lebih awal dari 2013, maka hayatilah Simbol 5K, yang terpahat di cokmar konvokesyen UMS.

Ukiran lima mata pena, melambangkan simbol keimanan, ketakwaan, ketulusan budi, keikhlasan dan kesungguhan. Bekerja dan belajarlah untuk menunaikan amanah, tanggungjawab kita sebagai hamba Tuhan. Ingatlah setiap orang pasti akan dipertanggungjawabkan tentang setiap apa yang dilakukannya semasa hidup ini.

79. Menjadi warga yang mahardika (warga yang berilmu, bijaksana cerdik dan berbudi pekerti mulia) menjadikan institusi kita sentiasa dalam keadaan makmur dan mampu mengatasi apa jua cabaran yang mendatang.

80. Akhir kata, UMS sebagai lambang puncak kejayaan dan kita semua sebagai warganya harus memancarkan semangat perjuangan dengan tekad untuk sentiasa cemerlang dan bersemangat waja dalam semua aktiviti kita laksanakan pada 2010 ini.

Ke gunung sama didaki
Ke lurah sama dituruni
Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Hati sapi sama dilapah
Hati belanak sama dicecah.

Sekian. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.